

**Kerajaan BN Komited Pembangunan Belia Dan Sukan Di Sabah
Bernama
5 Februari, 2013**

KOTA KINABALU, 5 Feb (Bernama) -- Kerajaan Barisan Nasional (BN) komited memberi keutamaan dan kepentingan kepada pembangunan belia dan sukan yang jelas terbukti menerusi peruntukan keseluruhan sejumlah RM87.94 juta sejak 2007.

Menteri Belia dan Sukan Sabah Datuk Peter Pang berkata ini termasuk menaik taraf kompleks sukan sedia ada dan membina kompleks sukan mengikut keperluan masyarakat setempat di seluruh negeri.

"Kementerian saya telah diberi peruntukan pembangunan projek sukan sebanyak RM13.2 juta pada 2007. Jumlah itu terus meningkat setiap tahun iaitu pada 2011 diperuntukkan RM18.4 juta, 2012 sebanyak RM24.2 juta dan pada 2013 sebanyak RM29.6 juta," katanya ketika berucap pada majlis makan tengah hari bersama media di sini Selasa.

Beliau berkata kementeriannya telah menyiapkan Kompleks Sukan Sipitang, Kompleks Sukan Beaufort dan Kompleks Sukan Ranau pada tahun 2010 hingga 2011 selain memulakan pembangunan Kompleks Sukan Lahad Datu bernilai RM15 juta tahun lepas.

Pembinaan Kompleks Sukan Tamparulli/Tuaran bernilai RM5 juta akan turut dimulakan dan dijangka siap pada 2015, katanya.

Di samping itu, kata Pang, kemudahan sukan di seluruh Sabah termasuk Kompleks Sukan Kota Kinabalu dan Kompleks Sukan Penampang akan dinaik taraf bagi penganjuran Sukan SAGA atau 'Sabah Games' dari 2 hingga 7 Jun ini.

Katanya sehingga kini terdapat 12 kompleks sukan di negeri ini dan akan mempunyai 15 kompleks sukan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh apabila dua kompleks sukan dibina dan kompleks sukan di Kudat diambil alih oleh Lembaga Sukan Sabah.

Kementerian juga akan membina Arena Belia Kunak dan Sindumin yang dijangka siap pada 2014 dan beliau mengajak masyarakat setempat menggunakan kemudahan itu untuk meningkatkan gerakan budaya sukan massa serta gaya hidup sihat.

Pada sidang akhbar kemudiannya, Pang menggesa golongan muda selaku pengundi baharu memilih kepimpinan kerajaan sedia ada di bawah Perdana Menteri Datuk Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak demi kesinambungan kepada pembangunan generasi itu.

Sementara itu, Pang mengalu-alukan pengamal media Sabah yang sentiasa memberi komitmen terbaik membuat liputan mengenai kementeriannya sepanjang beliau menjadi menteri berkaitan sejak 2008.

Beliau berkata Kejohanan Persahabatan Sukan Tenpin Bowling bersama media yang berlangsung semalam akan dijadikan acara tahunan berikutan ia merupakan platform terbaik dalam merapatkan hubungan bersama media di negeri ini.

Dua puluh pasukan menyertai kejohanan itu yang menyaksikan Radio Televisyen Malaysia Sabah muncul johan menerima RM2,000, piala iringan dan piala pusingan manakala Sabah Journalists Association di tempat kedua menerima RM1,500 dan piala iringan manakala Utusan Borneo di tempat ketiga menerima RM1,000 berserta piala iringan.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=926228>